

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas: 85. L0

No Perolehan: T 1008

Tarikh: 18/3/86

Kajian Sosial Ekonomi di Komuniti Tani  
Luar Bandar - Kampung Kayu Kelat,  
Trengganu.

LOH FOH SOON

No. METRIK : 043489

Projek Penyelidikan  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-syarat untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESSI 1986

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan saya merakamkan kepada Professor Madya Hing Ai Yun yang telah bersusah-payah memberi teguran, cadangan dan bimbingan serta tunjuk ajar sehingga terhasilnya kajian ini.

Penghargaan juga diberikan kepada penduduk Kampung Kayu Kelat yang sudi menjadi responden dan telah memberi kerjasama yang menggalakkan. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada ketua kampung Encik Bidi, dan juga Cik Noor Aini binte Mohamad, yang telah banyak memberi maklumat dan data-data mengenai komuniti ini.

Kerjasama semua pihak di atas dalam menjayakan latihan ilmiah ini sekali lagi diucapkan jutaan terima kasih.

Loh Foh Soon  
Jabatan Antropologi & Sosiologi.  
29 Dis. 1985

## Kandungan

---

---

Penghargaan

Sinopsis

Kandungan

Maklumat Kampung

Senerai Rajah

Bab Pertama

Pendahuluan

---

- 1: 1 Tujuan Kajian
- 1: 2 Bidang Kajian
- 1: 3 Kaedah Kajian
- 1: 4 Kerumitan Kajian

Bab Kedua

Pengenalan Umum

---

- 2: 1 Lokasi
- 2: 2 Sejarah & Latarbelakang

Bab Ketiga

Aspek Ekonomi

---

- 3: 1 Kegiatan ekonomi Mengikut Sektor
- 3: 2 Masalah Pekerjaan
- 3: 3 Pola Pemilikan & Penggunaan Tanah
- 3: 4 Daya Pengeluaran
- 3: 5 Pola Pendapatan & Perbelanjaan

Bab Keempat

Aspek Sosial

---

- 4: 1 Kemudahan Asas & Infrastruktur Sosial
- 4: 2 Struktur Keluarga
- 4: 3 Proses Sosialisasi
- 4: 4 Pendidikan

Bab Kelima

Penutup

---

- 5: 1 Kesimpulan
- 5: 2 Saranan<sup>2</sup>.



## Sinopsis

Kajian ini merupakan satu kajian kes sosial ekonomi di kampung Kayu Kelat, sebuah komuniti tani di Besut, Trengganu.


Penjelasan awal diberi ke atas masalah dan tujuan kajian serta bagaimana pengkaji cuba mengatasi kerumitan yang dihadapi semasa kajian. Seterusnya dalam bahagian kedua penulis memberikan huraian ringkas tentang sejarah dan latarbelakang komuniti ini.

Dalam bidang ekonomi, soal yang dibincangkan ialah masalah tanah, sumber pendapatan, pola pendapatan dan perbelanjaan dan lain masalah yang berkaitan dengan masalah kajian.

Dalam bidang sosial pula, persoalan yang disentuh termasuk kemudahan asas dan infrastruktur sosial, sosialisasi dan pendidikan.

Akhirnya diikuti dengan kesimpulan bagi kajian ini dan disertai dengan saranan<sup>2</sup>.







Tahun 1983

MAKLUMAT KAMPUNG

Kampung: TELAKA HIBONG / KAYU KELAT Mukim: LUBOK KAWAH

Kampung-kampung yang bergabung: .....

**A. LATARBELAKANG**

**1. Penduduk:**

Bilangan Penduduk : 833 orang

Bilangan Keluarga : 163 keluarga

Umur : Kebawah dari 5 tahun ..... orang ..... %

5 hingga 6 tahun ..... 78 orang ..... %

7 " 12 " ..... 125 orang ..... %

13 " 17 " ..... 94 orang ..... %

18 " 25 " ..... 133 orang ..... %

26 " 35 " ..... 79 orang ..... %

36 " 45 " ..... 58 orang ..... %

46 " 55 " ..... 70 orang ..... %

Melebihi 55 " ..... 70 orang ..... %

Jantina: Lelaki ..... 410 orang ..... %

Perempuan ..... 423 orang ..... %

**2. Jenis Pekerjaan:**

Jenis	Bil. Keluarga	Peratus
Petani	<u>163</u>	<u>100%</u>
Nelayan		
Berniaga		
Penoreh Getah		
Kerja Kampung		
Kakitangan		
Kerajaan/Swasta		

**3. Pendapatan:**

Pendapatan Sebulan	Bil. Keluarga	Peratus
Kebawah \$250.00	<u>133</u>	<u>80%</u>
\$251.00 - \$400.00	<u>30</u>	<u>20%</u>
Melebihi \$400.00		

2. KEGIATAN SOSIAL/KOPERASI

Jenis	Bil. Ahli	Catitan
Persatuan Belia	95	
RELA	30	
Koperasi Peladang	116	
Koperasi Nelayan		
Koperasi Belia		
Koperasi Jimatcermat		

3. PERUSAHAAN

Jenis	Bilangan	Catitan
Kilang Padi	2	
Menenun Kain		
Menempa Besi	1	
Kilang Bata		
Kilang Papan		
Batik		

PERNIAGAAN

Jenis Kedai	Bilangan	Catitan
Runcit	7	
Makan		
Pakaian		

5. PENGANGKUTAN

Jenis	Ada	Tiada	Catitan
Bas		✓	
Teksi	4		
Beca	4		
Bot			





Luas Kampung ..... 927 ..... ekar.

(..... 2 x 1 ..... batu persegi)

Tanah Kerajaan ..... ekar.

Tanah Milik OLAKAW 2 x 1 ..... ekar.

\*

Kegunaan Tanah	Luas (ekar)	Catitan
Perkampungan		20 %
Getah		25 %
Padi		40 %
Dusun		10 %
Kelapa		5 %

5. Ternakan (\* dalam konteks komersial)

Jenis	Jumlah	Bil. Keluarga Terlibat
Lembu	196	
Kerbau	84	
Kambing	79	
Ayam *		
Itik *		
Ikan Air Tawar	2	7 KELUARGA

6. Kenderaan

Jenis	Bil. Kenderaan	Bil. Keluarga
Kereta	7	7
Motosikal	47	38
Basikal		163
Bot		

B. PRASARANA

1. Jalanraya

Jenis	Panjang (batu)	Catitan
Jalan Tar	2 bt	
Jalan Tanah Merah	2 bt	
Jalan Kampung	2 bt	



## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN.

Sistem ekonomi Malaysia pada masa kini boleh disifatkan sebagai 'Dual Economy' di mana masih ramai penduduk yang melibatkan diri dalam sektor pertanian tradisional manakala minoriti yang besar menyertai diri dalam sektor ekonomi moden. Walaupun dasar ekonomi kerajaan kelihatan semakin cenderung kepada perindustrian, namun kepentingan sektor pertanian tidak diabaikan.

Mengikut Rancangan Malaysia Keempat, sektor pertanian mencapai kadar pertumbuhan yang perlahan iaitu 4.3% setahun dalam tempoh masa 1971-1980.<sup>1)</sup> Kadar pertumbuhan yang perlahan itu sedikit sebanyak telah mempengaruhi perkembangan ekonomi negara. Bagi tanaman yang bertujuan penggunaan dalam negeri seperti padi, kadar pertumbuhannya hanya bertambah sebanyak 2.9% setahun. Memandangkan keadaan ini sektor pertanian seharusnya mendapat perhatian yang serius daripada semua pihak yang terlibat. Di kawasan pedalaman terdapat banyak kampung-kampung kecil di luar bandar yang kehidupan bergantung kepada aktiviti pertanian. Meskipun negara kita ada sumber-sumber asli seperti petrolium, namun masih belum sampai masa bagi komuniti tani di sekitar luar bandar untuk menikmati taraf hidup yang tinggi.

Data-data dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat juga menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan ialah golongan yang menetap di kawasan luar bandar khususnya



di kampung. Dari jumlah 7606,000 isi rumah dalam tahun 1970, sebanyak 791,800 isi rumah dikatakan miskin. daripada jumlah ini pula, didapati 705900 isi rumah adalah terletak di kawasan luar bandar. Kaum petani merupakan satu daripada golongan yang miskin. Maka adalah perlu dijalankan kajian sosial ekonomi mengenai masalah dan keadaan kehidupan di komuniti luar bandar.

Untuk memahami keadaan-keadaan sosial dan ekonomi di negara ini, kajian telah dijalankan pada peringkat kampung. Untuk tujuan ini pengkaji telah menjalankan kajian di kampung Kayu Kelat, sebuah komuniti tani yang terletak di Daerah Besut, Trengganu. Pada hakikatnya komuniti ini bukan sebuah kampung yang mundur kerana telah ada bantuan daripada pihak kerajaan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti pemberian baja subsidi, sistem parit dan taliair, kemudahan pinjaman dan pemasaran. Usaha-usaha ini telah membolehkan penanaman dan penghasilan padi sebanyak dua kali setahun. Tetapi apa yang dilihat pada masa kini ialah kebanyakan penduduk kampung ini masih hidup miskin dengan taraf hidup dan tingkat pendapatan yang rendah. Justeru itu perlu diteliti keadaan dan masalah sebenar di kampung ini.



## TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN.

Dalam kajian ini perhatian akan diberikan dengan bertumpukan kepada sebuah komuniti tani saja. Ini terutamanya disebabkan oleh kerumitan-kerumitan yang dihadapi khususnya kesuntukan masa.

Tujuan dan masalah kajian yang dianggap penting dalam perbincangan ini ialah masalah ekonomi khususnya tentang pendapatan yang rendah. Masalah ini sering ditekankan dalam perbincangan mengenai kemiskinan luar bandar. Pendapatan yang rendah di sini merujuk kepada pendapatan keluargayang di bawah garis kemiskinan, yakni \$384 sebulan. Ia telah menjadi satu fenomena dan situasi yang menggambarkan ciri-ciri kehidupan miskin dalam sektor pertanian.

Bidang kajian ini meliputi dua aspek penting, yakni sosial dan ekonomi. Dalam bidang ekonomi, penguraian ditumpukan kepada persoalan-persoalan yang berkait rapat dengan masalah pusat. Ini termasuklah struktur dan organisasi ekonomi yang merangkumi sumber-sumber pendapatan, kegiatan ekonomi, masalah tanah, masalah pengeluaran padi serta pola pendapatan dan perbelanjaan.

Sementara bagi bidang sosial pula, aspek yang disentuh termasuk masalah kekurangan kemudahan asasi dan infrastruktur sosial, raktur pendidikan, struktur keluarga, proses sosialisasi sosial dan sebagainya.

Kepentingan kajian ini harus dilihat dari segi bahan kajian di mana ia memperkatakan tentang masalah



sosial dan ekonomi di komuniti tani luar bandar, faktor faktor yang mungkin merupakan penghalang kepada perkembangan ekonomi. Oleh itu ia berguna bagi rancangan pembangunan masyarakat desa.

#### KAEDAH-KAEDAH KAJIAN

Kaedah-kaedah kajian yang sesuai sangat penting bagi pengumpulan data-data yang diperlukan. Dalam kajian ini, pelbagai kaedah telah digunakan untuk memperolehi maklumat-maklumat dan data-data yang lengkap dan tepat. Kaedah-kaedah ini adalah seperti berikut:

- (1) menggunakan kertas soal-selidik,
- (2) temuramah secara tidak formal,
- (3) penggunaan 'key-informant',
- (4) pemerhatian ikutserta,
- (5) pemerhatian.

Di antara lima kaedah ini, didapati kaedah soal selidiklah yang paling banyak memberikan data-data dan maklumat yang diperlukan. Dalam kajian ini 50 kertas soal selidik telah digunakan. Kelebihan kaedah ini ialah maklumat yang lengkap dapat diperolehi, misalnya mengenai bilangan ahli keluarga, jumlah pendapatan, jenis pekerjaan, aspek politik, pemilikan harta dan sebagainya. Maklumat-maklumat yang didapati lebih bersifat objektif.

Walaupun kaedah ini berkesan bagi mengumpul data dan maklumat namun kelemahannya agak jelas di mana berkemungkinan memperolehi maklumat yang tidak tepat. Contohnya adakala pengkaji menghadapi keadaan di mana



responden-responden mengecil<sup>2</sup>kan atau sebaliknya mem-  
besar<sup>2</sup>kan keadaan yang sebenar.

Di samping itu pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual dengan tujuan memperolehi maklumat-maklumat yang bersifat subjektif, misalnya persepsi dan fikiran penduduk kampung tentang masa depan dan masalah-masalah yang dihadapi. Cara ini berfungsi sebagai tambahan kepada kaedah pertama tadi. Ia merupakan cara yang sesuai bagi mengetahui pandangan dan rancangan masa depan mereka.

Kaedah pemerhatian juga digunakan di mana pengkaji hanya berperanan sebagai pemerhati saja. Aspek yang diberi perhatian ialah mengenai fenomena sosial dan ekonomi. Kelemahan kaedah ini ialah mungkin mendapat jawapan yang bersifat subjektif kerana agak sukar bagi pengkaji mengenyahkan keseluruhan nilai dan persepsi diri sendiri. Sebagai cara atasi pengkaji menggunakan 'Participant Observation' atau pemerhatian ikut serta untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat. Dengan demikian diharap dapat mencapai keputusan yang objektif.

Bagi menjayakan kajian ini pengkaji telah ditempatkan dan menetap di Kampung Kayu Kelat selama satu bulan. Dalam tempoh masa ini hubungan yang baik dan mesra telah diwujudkan dan ini membolehkan pengkaji menyertai diri dalam pelbagai aktiviti kehidupan komuniti ini, misalnya upacara perkahwinan, memukul tikus, gotong royong membersihkan tabing parit



dan sebagainya. Kesemua ini adalah bertujuan memahami lebih mendalam kehidupan dan masalah sebenar yang dihadapi oleh komuniti ini.

Selain daripada kaedah-kaedah di atas, pengkaji juga berusaha mengumpul maklumat dari 'Key-Informant'. Di antara beberapa responden utama yang telah banyak membantu kajian ialah :

- (1) ketua kampung,
- (2) anak-anak kepada ketua kampung,
- (3) seorang guru agama dan seorang guru yang mengajar di sekolah menengah,
- (4) seorang petani tua.

Penggunaan kaedah ini ialah supaya mendapatkan maklumat-maklumat yang berkenaan dengan sejarah dan latarbelakang serta perkembangan yang berlaku di kampung ini. Responden-responden yang disebutkan tadi telah banyak memberi bantuan di mana selepas tamatnya tempoh masa kajian luar, pengkaji masih dapat maklumat daripada mereka melalui surat-menyurat.

Walaupun apa pun kaedah yang digunakan, masing-masing mempunyai kelemahan yang sukar dielakkan iaitu mendapat maklumat-maklumat yang tidak menasabah. Untuk mengatasi kelemahan ini cara 'Cross Checking' digunakan. Ini dilakukan dengan menyoal responden yang berlainan dengan soalan-soalan yang sama.

Mengenai kaedah persempelan pula, sample sample diambil dengan cara bermula dari rumah yang pertama hingga yang terakhir. Ini terutamanya disebabkan



oleh kerumitan menemui responden di mana biasanya ketua rumah tidak ada di rumah kerana hal pekerjaan. Tambahan lagi ada masa yang tidak boleh temubual dengan responden terutamanya waktu sembayang. Oleh yang demikian cara ini digunakan untuk memastikan bilangan responden yang cukup. Dengan ertikata yang lain, mereka yang berkesempatan dan sudi bekerjasama berpeluang menjadi responden atau sampel dalam kajian ini.

### KERUMITAN KAJIAN.

Dalam kebanyakan kajian sains sosial, memang tidak dapat elak dari menghadapi masalah dan kerumititan. Semasa penyelidikan dijalankan, pengkaji menghadapi beberapa kerumitan khasnya masalah yang bersifat praktikal.

Pada peringkat permulaan, pengkaji menghadapi kerumitan mendapat kerjasama dan kepercayaan dari pada penduduk komuniti ini. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan di mana pengkaji dianggap sebagai seprang 'pendatang luar'. Tambahan lagi pengkaji merupakan seorang yang berlainan bangsa dengan penduduk kampung ini. Masalah ini di atasi dengan adanya hubungan erat dengan orang tengah, iaitu ketua kampung yang juga merupakan seorang yang dihormati/ramai. Pengkaji diterima sebagai anak angkat beliaiu. Masa tiga hari digunakan untuk mengenali orang kampung dan keadaan semulajadi dengan tujuan mendapat kepercayaan dan diterima oleh komuniti ini. Semasa penyelidikan dijalankan, anak-anak ketua



kampung sudi mengikut serta memperkenalkan pengkaji kepada orang kampung. Dengan demikian penyelidikan dapat dijalankan dengan adanya kerjasama dan kepercayaan daripada pihak komuniti ini.

Sebagai satu alat komunikasi, bahasa juga merupakan salah satu kerumitan besar yang dihadapi. Bahasa yang digunakan oleh komuniti ini ialah bahasa daerah Kelantan, kerana lokasinya lebih mendekati sempadan negeri Kelantan. Kecuali golongan muda yang terpelajar, kebanyakan penduduk tidak berupaya bertutur dalam bahasa surat (Bahasa Malaysia). Untuk mengatasi dengan adanya bantuan dari anak ketua kampung yang memainkan peranan sebagai 'penterjemah'.

Selain daripada itu, masa yang singkat juga merupakan satu kerumitan memandangkan bidang sosial dan ekonomi ialah dua aspek yang luas skopnya. Tempuh masa satu bulan ternyata tidak memadai bagi memperolehi data dan maklumat yang cukup dan menyeluruh. Maka penekanan terpaksa diberi kepada aspek-aspek yang dianggap penting saja.

Bagi kerumitan menemui responden yang disebabkan oleh hal kerja-kerja sambilan dan waktu sembahyang terpaksa pengkaji membuat lawatan kali kedua untuk temubual.



## BAB KEDUA

### Pengenalan Umum.

Bab ini akan memberisatu gambaran umum mengenai Kampung Kayu Kelat. Aspek yang diberi perhatian ialah kedudukan geografi, sejarah dan latarbelakang.

#### Kawasan Kajian

Dari segi lokasi, kampung Kayu Kelat terletak di bahagian utara kawasan pedalaman negeri Trengganu. Kedudukan geografinya lebih mendekati negeri Kelantan di mana ia berada di tempat berhampiran dengan sempadan antara dua negeri ini. Jarak di antara kampung ini dengan ibukota Kelantan kira-kira 30 batu.

Kampung ini termasuk dalam kawasan mukim Lubuk kawah, Daerah Besut. Walaupun telah ada pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan, namun masih jelas dilihat bahawa kampung ini belum capai taraf hidup yang tinggi. Oleh yang demikian komuniti ini amat sesuai dijadikan sebagai tempat kajian.

#### Sejarah dan Latarbelakang

Dari segi sejarah kampung Kayu Kelat merupakan sebuah kampung yang telah lama wujud. Ini ternyata di mana dulu mereka yang lahir di kampung ini kini telah berusia lebih dari 60 tahun.

Sejak dulu lagi aktiviti pertanian telah diamalkan sebagai aktiviti ekonomi yang terpenting. Pada masa itu penanaman padi dijalankan dengan tujuan sara diri dan serta teknik dan kaedah yang tradisional. Pertimbangan utama ialah bagi memenuhi keperluan seta-



kat cukup untuk keluarga saja, bukan untuk penghasilan berlebihan. Keadaan ini dapat dibayangkan dengan peribahasa yang berbunyi 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Kehidupan komuniti tani kecil ini digambarkan dengan jelas oleh percakapan seorang agen Inggeris dalam tahun 1917, bahawa "sebahagian besar daripada kaum petani dan nelayan - lebih kurang 80% daripada jumlah penduduk adalah miskin dan mempunyai hanya lebih sedikit daripada batas cara hidup. Mereka tiada makanan, pakaian dan perumahan yang sempurna." 2).

Dengan peredaran masa, bilangan penduduk telah bertambah dengan pesat bila berlakunya penghijrahan masuk petani-petani miskin dari kawasan negeri Kelantan. Komuniti ini bernasib baik kerana mendapat bantuan daripada pihak kerajaan sehingga masa kini ia berubah wajah menjadi sebuah kampung tani yang agak moden di luar bandar.

Jumlah keluarga di kampung ini dianggarkan kira-kira 80 buah, dengan bilangan penduduk lebih kurang 600 orang. Hampir keseluruhan penduduk ialah bangsa Melayu, dengan sebilangan kecil yang merupakan penghijrah dari Negeri Thai.

Sebenarnya Kampung Kayu Kelat terdiri dari pada dua buah kampung kecil yang mempunyai nama yang berlainan, iaitu kampung Baru Kayu Kelat dan kampung Lama Kayu Kelat. Kampung Lama telah lama wujud manakala kampung baru pula dibentuk dalam masa kebelakang ini.



Kebanyakan penduduk kampung baru terdiri dari pada penghijrah.

Jadual 1: Bilangan dan peratus bagi tempat asal 50 responden .

Tempat asal	Bilangan	Peratus
Trengganu	32	64
Kelantan	18	36
Jumlah	50	100

Adalah jelas bahawa penghijrah hanya merupakan golongan minoriti saja di kampung ini. Jika dibandingkan kedua-dua kampung ini, didapati penduduk kampung Lama menikmati taraf hidup yang lebih tinggi daripada kampung Baru. Keadaan ini disebabkan oleh dua faktor:

- (a) kebanyakan penduduk kampung baru merupakan penghijrah yang baru menetap di kampung ini iaitu lebih kurang lima tahun,
- (b) penduduk kampung lama sedikit sebanyak ada memiliki harta tersendiri, contohnya tanah. Disebaliknya hampir semua penduduk kampung baru mengerjakan tanah sewa atau pawah.

Pada masa kini aktiviti pertanian tetap merupakan kegiatan ekonomi yang terpenting di kampung ini. Namun demikian, disebabkan pananaman padi sekarang tidak lagi mendatangkan pulangan yang tinggi seperti dulu, maka ramai penduduk berpaling kepada kerja-kerja sampingan yang lain untuk memperolehi pendapatan tambahan yang

yang berasaskan penanaman padi. Hanya dengan demikian saja mereka dapat membiayai perbelanjaan keluarga.

Meskipun terdapat perbezaan dari segi taraf hidup antara dua kampung, namun keadaan ini tidak kelihatan ada kesan buruk terhadap hubungan sosial. Penduduk kedua komuniti kecil ini masih mengekalkan hubungan yang erat dan saling kenal antara satu sama lain. Perasaan kekitaan menandakan semangat perpaduan di sini.

Di kampung Kayu Kelat terdapat beberapa pertubuhan sosial seperti Persatuan peladang Besut, Gerakan Belia Bersatu, dan sebagainya. Agak ramai juga penduduk yang menceburkan diri aktiviti politik khususnya Pemuda UMNO. Ini menunjukkan komuniti ini bukan satu masyarakat yang tertutup. Kebanyakan penduduk kampung Kayu Kelat merupakan penyokong Umno dan Barisan Nasional, kecuali sebilangan kecil yang menyokong parti PAS.



Nota Kaki

1. Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985.
2. Tercatatit dalam kertas kerja oleh Dr. Shahril Talib Robert yang bertajuk "Pemerintah Dan Rakyat Di Trengganu 1881-1942 Satu Kes Sejarah Petani". Lihat:  
"Malaysia - Sejarah Dan Proses Pembangunan", 1982.

## BAB KETIGA

### Susunan dan Organisasi Ekonomi.

Sebagai satu aspek penting dalam budaya manusia, ekonomi sering menjadi tumpuan kajian dalam penyelidikan sains sosial. Dalam bab ini, perbincangan mengenai susunan dan organisasi ekonomi cuba memberikan satu gambaran tentang struktur ekonomi komuniti ini. Aspek yang diberi perhatian termasuk kegiatan ekonomi, penggunaan dan pemilikan tanah, institusi sewa-menyewa, pengeluaran padi, pola pendapatan dan perbelanjaan dan lain-lain masalah yang berkaitan.

#### Kegiatan Ekonomi Mengikut Sektor.

Analisa pekerjaan komuniti ini boleh ditinjau dari dua segi iaitu bahagian kerja tetap dan kerja sambilan serta dari segi sektor pekerjaan yakni kerja pertanian dan kerja bukan pertanian.

Sebagai sebuah komuniti tani, kegiatan ekonomi terpenting mengikut sektor pertanian ialah aktiviti menanam padi. Pekerjaan tradisional ini mempunyai sejarah yang lama. Mengikut Maklumat Kampung tahun 1983, seratus peratus penduduk kampung ini terlabat dalam bidang kerja ini. Kini aktiviti ini masih merupakan matapencarian yang utama. Ini jelas dilihat dengan merujuk kepada jadual berikut:

Jadual 2: Bilangan dan peratus penduduk di sektor pertanian.



Pekerjaan	Bil.	Peratus
menanam padi sebagai kerja utama	33	66
kerja bukan pertanian sebagai kerja utama	17	34
Jumlah	50	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam bilangan penduduk yang terlibat dalam penanaman padi, iaitu kira-kira 34% . Walau bagaimanapun ia tetap merupakan kegiatan ekonomi yang utama kerana tanah merupakan punca pengeluaran terpenting bagi komuniti luar bandar.

Penanaman padi di sini agak berjaya di mana dengan adanya bantuan kerajaan padi ditanam sebanyak dua kali setahun. Untuk melipatgandakan hasil pengeluaran, beberapa langkah diambil . Contohnya ialah pemberian baja subsidi(dengan percuma) kepada para petani yang memiliki tanah saiz keluasan tidak melebihi 6 ekar. Di samping itu terdapat juga sistem parit dan taliair yang bertujuan menyediakan sistem pengairan yang telah disediakan pada masa 15 tahun yang lalu dibawah Projek Pembangunan Pertanian Besut. Panjangannya kira-kira 187 lantai. (data dari maklumat kampung). Selain daripada itu pihak kerajaan juga menyediakan kemudahan kredit dan peminjaman wang serta pemasaran. Jentera dan mesin juga digunakan misalnya mesin bajak dan mesin padi. Maka kerja pertanian dapat dikendalikan dengan lebih cepat dan berkesan. Hasil penanaman yang diperolehi



kebanyakannya dijual kepada Lembaga Padi dan Beras Negara, dan disimpan sedikit sebagai makanan sekeluarga.

Kepentingan penanaman padi sebagai aktiviti ekonomi yang utama tidak bermakna ia mendatangkan pendapatan yang tinggi kepada kaum. Di sebaliknya pulangan yang diperolehi adalah sedikit. Kenyataan ini digambarkan dalam jadual berikut mengenai pendapatan yang diperolehi dari aktiviti tani:

Jadual 3

Anggaran pendapatan	Bil	Peratus
0 - \$100	8	16
\$101- \$200	20	40
\$201- \$300	17	34
\$301- \$400	5	10
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual ini adalah jelas penanaman padi hanya mendatangkan pendapatan yang sedikit bagi kaum tani. Didapati 74% daripada mereka hanya mampu mendapat jumlah pendapatan di antara \$ 100- \$300 saja. Tingkat pendapatan ini dianggap rendah kerana di bawah garis kemiskinan iaitu \$384 sebulan bagi pendapatan sekeluarga. Di sini dapat kita fahami tentang tingkat pendapatan dan taraf hidup yang rendah bagi komuniti ini memandangkan pulangan yang rendah dari kegiatan bertani.

Di samping penanaman padi, satu lagi kegiatan ekonomi yang tidak kurang penting ialah menoreh getah.



Sejak 40 tahun yang lalu, projek penanaman semula getah telah dijalankan di kampung ini. Mengikut anggaran dalam maklumat kampung 1983, 25% daripada jumlah keluasan tanah di kampung kayu Kelat di tanam dengan pokok getah.

Menoreh getah merupakan satu pekerjaan sampingan untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Bilangan penduduk yang terlibat dalam bidang agak ramai memandangkan pulangan yang tidak memuaskan dari kerja bertani. Pendapatan bulanan bagi seorang penoreh getah dianggarkan \$80 - \$100. Biasanya kaum wanita saja yang melibatkan diri. Tetapi pada masa kini ada juga kaum lelaki yang turut terlibat. Malahan ada di antara mereka yang sedang menganggor menganggap aktiviti ekonomi ini sebagai kerja utama.

Selain daripada dua kegiatan ekonomi yang dibincangkan, satu lagi sumber pendapatan dalam sektor pertanian ialah dengan penjualan buah-buahan. Di kampung Kayu Kelat, 5% daripada kawasan tanah merupakan dusun buah-buahan, terutamanya dusun durian. Mereka yang memiliki dusun durian dapat memperolehi pendapatan di antara \$500-\$900 apabila tibanya musim. Di samping pokok durian, tumbuhan-tumbuhan lain yang ada nilai ekonomi termasuk pisang, buah mempelam, nenas, mangis dan sebagainya.

#### Pekerjaan Bukan Pertanian

Kesedaran tentang pulangan yang sedikit daripada kerja tani telah mengujudkan satu kecenderungan baru di mana lebih ramai penduduk komuniti ini yang



melibatkan diri dalam kerja bukan pertanian.

Jadual 4: Jenis pekerjaan dalam sektor pertanian di kampung Kayu Kelat.

Pekerjaan bukan pertanian	Bilangan responden	
	tetap	sementara
Pekerja kilang	2	0
pekedai	4	0
penjual ikan	2	0
guru	2	0
buruh	2	6
tukang besi	1	0
bomoh	3	0
tukang kayu	2	10
Jumlah	18	16

Berdasarkan jadual di atas, adalah jelas semakin ramai penduduk yang bekerja dalam sektor bukan pertanian. Di kampung ini terdapat 4 buah kedai dan 2 orang penjual ikan. Walaupun perniagaan yang mereka jalankan adalah secara kecil-kecilan, namun ia mendatangkan pendapatan yang lebih tetap dan tinggi. Dalam kajian ini didapati bahawa ada di antara mereka yang selain daripada perniagaan juga memiliki tanah sawah. Golongan ini memainkan peranan penting sebagai 'penghubung' antara desa dan pekan. Mereka mendapatkan barangan keperluan seperti makanan, suratkhbar, pakaian dan alatan yang lain untuk memenuhi keperluan dalam kampung. Di samping itu mereka juga bertindak sebagai pemimjam wang kepada petani miskin.

Selain daripada itu, kerja pertukangan dan buruh juga biasa dijalankan di sini. Di dapati bahawa bilangan penduduk yang terlibat dalam kerja pertukangan dan peru-



mahan paling ramai. Fenomena ini berkaitan dengan faktor sejarah iaitu penghijrahan dari kawasan sempadan Kelantan ke Kampung Kayu Kelat dan menggalakkan industri pembinaan rumah. Di samping itu ramai juga yang bekerja sebagai buruh, samada sebagai buruh tetap ataupun sebagai buruh sementara saja.

Ringkasnya walau apapun kerja sampingan yang dijalankan, aktiviti-aktiviti ekonomi ini adalah penting sebagai satu sumber pendapatan tambahan bagi komuniti ini.

---

#### MASALAH PEKERJAAN GOLONGAN BELIA

---

Di kampung Kayu Kelat kebanyakan anak muda tidak berminat meneruskan pekerjaan tradisional yang diusahakan oleh ibubapa mereka. Ini terutamanya disebabkan oleh beberapa faktor:

- (1) Kaum muda menyedari bahawa pekerjaan pertanian seperti bertani dan menoreh getah hanya memberi pulangan yang kecil, tidak mampu membiayai perbelanjaan keluarga,
- (2) Golongan muda lebih meminati pekerjaan dan kehidupan di bandar. Ini disebabkan oleh faktor menarik di bandar, misalnya terdapat kemudahan asas dan infrastruktur sosial, peluang pekerjaan yang lebih banyak, taraf hidup yang lebih tinggi, pendapatan yang tinggi dan tetap serta faktor lain.

Sebagai implikasi berlakunya penghijrahan dari desa ke kota. Dalam proses migrasi ini, ibukota Kuala Lumpur dan Singapura menjadi tempat yang dipilih umum.



Namun dalam proses **penghijrahan ini** berapa ramaiakah pemuda-pemudi yang **berjaya mencapai** cita-cita mereka? Dalam temubual dengan **responden-responden**, didapati hanya sebahagian kecil saja yang **berjaya** dalam usaha ini. Punca utama yang membawa kepada **keadaan ini** ialah kekurangan kelayakan dan kemahiran yang diperlukan. Faktor ini sebenarnya ialah implikasi daripada persoalan pokok, iaitu pendapatan yang rendah. Kebanyakan pemuda yang berhijrah hanya mencapai tingkat pelajaran yang rendah, khasnya hingga tahap sekolah rendah saja. Tidak kurang juga yang tidak pernah terima pendidikan di sekolah. Tambahan lagi ibu-bapa tidak berupaya anak-anak mereka ke sekolah vokesyenal untuk mempelajari latihan dan kemahiran teknikal. Apa yang mereka ada cuma pemahaman tentang pertanian dan pengetahuan yang terhad mengenai kehidupan di kota. Kelemahan ini menjadikan golongan penghijrah tidak dapat bertanding dengan orang dibandar.


Disebabkan kesukaran memperolehi pekerjaan tetap dan bergaji tinggi yang dihatapkan, mereka terpaksa pulang ke kampung halaman. Dalam keadaan penganggoran dan tiada pilihan lagi mereka menjalankan apasaja kerja untuk membantu keluarga. Maka dapat difahami bahawa kekurangan peluang pekerjaan yang prodaktif merupakan masalah utama yang dihadapi oleh golongan di kampung ini.





Sawah Padi di Kpg. Kayu Kelat





Pokok Getah di Kpg. Kayu Kelat







Pokok Durian di Kpg. Kayu Kelat



## TANAH : POLA PEMILIKAN DAN PENGGUNAANNYA

Di masyarakat luar bandar, tanah memainkan peranan penting dalam menentukan kehidupan sosial dan ekonomi. Berbeza daripada tanah di bandar, tanah di desa mempunyai nilai ekonomi yang tidak ternilai kerana ia merupakan punca pengeluaran yang terpenting. Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan tentang pola pemilikan dan kegunaan tanah serta institusi sewa-menyewa di kampung ini dengan memberi penumpuan kepada persoalan bagaimanakah faktor tanah mempengaruhi taraf kehidupan sosial dan ekonomi.

Jadual 5 : Kegunaan Tanah di Kampung Kayu Kelat.

Jenis tanah	Peratus
Tanah perkampungan	20
Tanah sawah	40
Kebun getah	25
Dusun buah-buahan	10
Kelapa	5
Jumlah	100

( Data-data diperolehi dari Maklumat Kampung 1983 )

Jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakan keluasan tanah kampung ini digunakan untuk tujuan pertanian, iaitu 80%. Walaupun tanah untuk penanaman padi meliputi kawasan yang paling luas yakni 40%, namun didapati tanah sawah masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk kampung ini. Dengan ertikata yang lain, komuniti ini menghadapi masalah kekurangan tanah dan



saiz tanah yang tidak ekonomik. Fenomena ini semakin ketara bukan saja di negeri Trengganu tetapi juga di negeri yang lain seperti Kelantan, Perlis dan Kedah.

Seperti kebanyakan petani miskin, penduduk komuniti ini mengerjakan saiz tanah sawah yang kecil. Ukuran bagi pemilikan saiz yang dikatakan ekonomik ialah 10 ekar. Tetapi di Daerah Besut, 42% sawah padi yang dikerjakan adalah di bawah 3 ekar.<sup>1)</sup> Keadaan ini bukan saja berlaku di kawasan luar bandar, tetapi juga terdapat di kawasan Pertanian Bersepadu.<sup>2)</sup> Ujudnya masalah mengerjakan saiz sawah yang tidak ekonomik mungkin disebabkan oleh beberapa faktor:

- (a) pertambahan penduduk yang begitu cepat,
- (b) pembahagian tanah mengikut hukum Faraid.

Dalam keadaan yang pertama, bilangan penduduk bertambah dengan kadar yang cepat manakala keluasan tanah tetap sama dan tidak berubah. Disebabkan keluasan tanah tidak berupaya menampung penduduk yang semakin ramai, maka tanah yang sedia ada tidak dapat dielakkan daripada dipecah belahkan kepada bahagian-bahagian yang kecil sehingga tidak ekonomik untuk dikerjakan.

Sementara dalam keadaan kedua pula, mengikut hukum Faraid dalam ugama Islam, harta seorang Islam yang telah meninggal dunia hendaklah dibahagikan kepada waris-warisnya dengan adil. Biasanya semua waris itu mahukan bahagian nya. Justeru itu, tanah yang ditinggalkan oleh si mati itu dipecahbelahkan. Fenomena ini sering berlaku di kebanyakan masyarakat tani.



\*

Jadual 6: Keluasan tanah yang dikerjakan oleh  
50 orang responden.

Luas tanah (ekar)	Bil resp.	Peratus
0	4	8
$\frac{1}{2}$ - 2	21	42
$2\frac{1}{2}$ - 4	14	28
$4\frac{1}{2}$ - 6	6	12
$6\frac{1}{2}$ - 8	4	8
$8\frac{1}{2}$ - 10	1	2
Jumlah	50	100

\* Tanah di sini merujuk kepada tanah yang dikerjakan termasuk tanah sewa, pawah dan tanah pusaka.

Data dalam jadual di atas menunjukkan bahawa 70% daripada penduduk kampung ini mengerjakan tanah yang kebanyakannya tanah orang lain dengan saiz di antara  $\frac{1}{2}$  hingga 4 ekar. Disebabkan saiz tanah yang tidak ekonomik, maka hasil pengeluaran yang diperolehi juga tidak memuaskan. Justeru itu, kekurangan tanah dan masalah saiz tanah yang tidak ekonomik merupakan faktor penting yang membawa kepada tingkat pendapatan yang rendah di komuniti tani ini.

Dari segi pemilikan tanah, ciri yang paling nyata ialah kebanyakan petani tidak memiliki tanah, samada tanah pusaka atau tanah sawah. Kebanyakan tanah yang dikerjakan ialah tanah sewa dan tanah pawah.

Jadual 7 : Pola pemilikan tanah di kampung  
kayu kelat.



Jadual 7

Saiz tanah dimiliki (ekar)	Bilangan	Peratus
0 - $\frac{1}{2}$	28	56
$\frac{1}{2}$ - $2\frac{1}{2}$	13	26
$2\frac{1}{2}$ - $5\frac{1}{2}$	4	8
$5\frac{1}{2}$ - $8\frac{1}{2}$	5	10
Jumlah	50	100

Mengikut data-data di atas, didapati kebanyakan petani tidak ada tanah sendiri, iaitu lebih kurang 56%. Golongan inilah yang merupakan petani-petani miskin yang menyewa dan memawah tanah orang lain. 34% daripada responden yang ditemui merupakan golongan pemilik juga pekerja. Sementara jumlah tuan tanah pula ialah 10%.

Oleh kerana golongan tuan tanah di kampung ini merupakan kumpulan minoriti, maka kebanyakan tanah pawah dan tanah sewa yang dikerjakan oleh petani di sini merupakan harta milik tuan tanah disebuah kampung berdekatan, Gong Tanah Merah. Keluasan tanah yang dimiliki oleh mereka dianggarkan 6-8 ekar.

Golongan tuan tanah memainkan peranan penting dalam kehidupan ekonomi di kampung tani ini. Melalui sistem sewa-menyewa tanah sawah mereka dapat memperolehi bayaran tahunan atau setengah dari jumlah hasil pengeluaran. Mengikut responden yang ditemui walaupun masa ini tidak kelihatan penindasan yang jelas, tetapi golongan ini tetap berada dalam kedudukan yang teguh dan menguntungkan. Misalnya walaupun baja subsidi diberi secara adil dan saksama,



tetapi dengan tanah yang lebih luas tuan tanah menerima faedah yang lebih. Dengan hak milik mereka ke atas tanah yang disewakan golongan ini dapat menikmati hasil usaha yang merupakan titik peluh para petani miskin.

Dibandingkan ketiga-tiga golongan ini, kebanyakan petani yang tiada tanah merupakan golongan yang miskin papa kerana tidak memiliki sebarang punca pengeluaran. Mereka bukan saja tiada tanah sawah tetapi juga tapak rumah sendiri. Kebanyakan penduduk golongan ini terdiri daripada petani miskin yang berasal dari Negeri Kelantan.

Jadual 8 : Pemilikan tapak rumah di K.K.Kelat.

Tapak Kepunyaan	Bil. responden	peratus
Kerajaan	15	30
Sendiri (beli/waris)	32	64
Saudara-mara	3	6
Jumlah	50	100.00

Didapati 36% daripada penduduk kampung ini tidak ada tapak rumah yang tersendiri. Golongan inilah yang termiskin kerana kehilangan sumber pendapatan yang penting.

#### SISTEM SEWA-MENYEWA.

=====

Sistem sewa-menyewa tanah sawah biasa terdapat dikalangan masyarakat tani. Terdapat dua jenis sistem sewa-menyewa di Kampung Kayu Kelat, iaitu sistem Bagi Dua dan sistem sewa. Bentuk yang paling awal institusi sewa-menyewa wujud sejak lahirnya golongan tuan tanah 'Bercap' di Trengganu.<sup>5)</sup>



Sistem sewa-menyewa boleh wujud dalam beberapa keadaan tertentu, misalnya bila mana seorang individu yang tidak berdaya atau tidak ingin mengerjakan tanah sendiri memberikan kepingan tanah itu kepada orang lain dengan syarat dikenakan bayaran tahunan atau hasil dibahagikan kepada dua bahagian. Keadaan lain yang boleh berlaku ialah dengan mana seseorang yang tidak ada tanah atau tidak cukup tanah bersetuju menyewa atau memawah tanah orang lain. Syarat yang dikenakan adalah sama.

### Sistem Sewa

Mengikut sistem sewa kampung ini penyewa dikehendaki sejumlah wang yang ditetapkan. Bayaran untuk tanah sewa adalah ditentukan mengikut keluasan dan jenis tanah. Biasanya sewa tanah ialah di antara \$50 hingga \$150 bagi seekar. Bagi tanah terbiar dan tanah baru, sewa yang dikenakan lebih murah. Di antara 50 orang responden yang ditemui didapati bahawa 12 orang daripada mereka menyewa tanah orang lain. Sebagai mana yang dikatakan terlebih dahulu, luasnya tanah yang disewa amat kecil dan tidak ekonomik untuk dikerjakan.

Jadual 9: Bil. penyewa dan keluasan tanah sewa

luas tanah (ekar)	Bil. responden
1	0
2	3
3	6
4	2
5	1
Jumlah	12

Seperti golongan **penyewa juga**, luas tanah yang dipawah tidak luas, iaitu **kebanyakannya** di antara 2 - 3 ekar. Jumlah penyewa dan pemawah di kampung ini lebih kurang 28 orang, melebihi setengah daripada 50 responden. Fenomena ini menunjukkan masalah kelaparan tanah di sini boleh dianggap serius.

Syarat yang dikenakan di bawah sistem ini berbeza dengan yang ditetapkan dalam sistem sewa. Mengikut sistem pawah tiada bayaran yang dikenakan, hasil tanaman yang diperolehi hendaklah dibahagikan kepada dua, satu untuk tuan tanah dan satu lagi untuk pemawah. Kos pengeluaran dibayar dulu oleh pihak tuan tanah, tetapi pemawah mesti membayar balik kos pengeluaran itu selepas hasil penanaman diperolehi. Bermakna pihak yang menanggung kos ini ialah pemawah.

Ditinjau kedua-dua sistem sewa dan pawah di kampung ini, adalah jelas pihak tuan tanah yang menguntungkan. Tanpa daya usaha sendiri dan tidak menanggung kos pengeluaran golongan ini dapat menikmati hasil pengeluaran yang merupakan titik peluh para petani miskin.

#### Aspek Pengeluaran

Dalam kajian dan perbincangan mengenai komuniti tani aspek pengeluaran pertanian seharusnya diberi perhatian. Walaupun penanaman padi masih merupakan mata-pencarian yang utama di kampung ini namun kepentingannya tidak seperti dahulu lagi kerana ia hanya mendatangkan



Didapati kebanyakan tanah yang disewa adalah di antara 2 hingga 3 ekar saja. Memandangkan saiz sawah yang kecil dan tidak ekonomik, maka dapatlah kita bayangkan dan tidak hairan dengan tingkat pendapatan yang rendah.

Mengikut sistem ini kos pengeluaran ditanggung oleh penyewa sendiri. Disebaliknya golongan tuan tanah yang tidak perlu berendam di sawah di bawah sinaran matahari pula berhak memperolehi sewa atau bayaran tahunan. Dalam keadaan ini penyewa sendiri yang menanggung risiko jika hasil tanaman tidak berjaya. Ringkasnya sistem sewa ini jelas menguntungkan tuan tanah dan merugikan golongan penyewa.

#### Sistem Pawah

Satu lagi sistem sewa-menyewa di kampung ini ialah sistem pawah. Satu kesamaan di antara golongan penyewa dan pemawah ialah kedua-dua kumpulan ini merupakan penghijrah dari Kawasan sempadan Negeri Kelantan. Golongan pemawah tidak ada harta milik yang bernilai dan tidak memiliki sebarang punca pengeluaran terutamanya tanah. Dengan tekanan hidup dan tanpa pilihan lagi mereka terpaksa memawah tanah orang lain.

Jadual 10: Bil.pemawah dan keluasan tanah pawah.

luas tanah (ekar)	Bil responden
1	1
2	9
3	4
4	1
5	1
Jumlah	16

pulangan yang tidak memuaskan kepada kaum petani. Pendapatan mereka rendah dan dalam keadaan ini tidak mudah bagi petani-petani memperbaiki keadaan kehidupan dan meningkatkan lagi status sosial dan ekonomi. Seterusnya penulis akan membincangkan tentang daya dan kos pengeluaran padi di Kampung Kayu Kelat.

#### Daya Pengeluaran.

Sebagai mana yang dikatakan tadi, kegiatan bertani hanya mendatangkan pulangan yang rendah. Dengan perkataan yang lain hasil pengeluaran padi juga kurang memuaskan.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada daya pengeluaran yang rendah. Pertama sekali disebabkan oleh tanah pertanian yang kecil. Saiz tanah yang tidak ekonomik dan kos pengeluaran yang tinggi turut mengurangkan hasil pengeluaran. Pulangan bersih yang diterima daripada penanaman padi amat sedikit dan tidak berupaya menampung kehidupan seisi keluarga.

Di samping itu teknik pengeluaran juga memainkan peranan penting dalam menentukan pengeluaran padi di komuniti ini. Sering dikatakan bahawa teknik pengeluaran yang tradisional membawa kepada daya pengeluaran yang rendah. Justeru itu rancangan Revolusi dilaksanakan untuk menggalakkan para petani menggunakan teknik, benih serta bahan yang bermutu dan saintifik. Di kampung Kayu Kelat, para petani telah menggunakan jentera dan mesin misalnya



mesin padi dan mesin bajak. Adalah dianggarkan kira-kira 70 % dari petani di kampung ini menggunakan jentera dan mesin yang disebutkan tadi. Di sini mesin padi dan mesin bajak dimiliki oleh golongan tung tanah . Golongan ini mempunyai kuasa ekonomi yang diwarisi dan kuasa beli yang lebih tinggi. Dengan demikian mereka dapat membeli dan memiliki jentera dan mesin yang sangat diperlukan dalam aktiviti bertani. Dengan menawarkan perkhidmatan memesin padi dan membajak sawah, tuan tanah dapat memperolehi keuntungan yang tinggi.

Tetapi bagi setengah petani miskin yang tidak berupaya membeli mesin, dan ketidakmampuan mereka membayar upah bagi penggunaan jentera tersebut, mereka terpaksa menggunakan cara yang tradisional misalnya membajak dengan kerbau dan serta memukul padi dengan tangan sendiri. Penggunaan teknik pengeluaran tradisional yang kurang berkesan ini sudah tentu hasil tanaman tidak memuaskan.

Perlu dinyatakan bahawa kebanyakan petani di kampung ini menggunakan mesin-mesin dengan membayar upah bagi perkhidmatan yang diberikan. Dengan itu kerja pertanian dapat dijalankan dengan lebih cepat dan berkesan. Satu ciri umum antara petani-petani di komuniti ini ialah biasanya mereka menggunakan benih sendiri.

Satu aspek penting yang berkenaan dengan pengeluaran ialah corak sistem bertani di kampung ini. Didepati satu ciri yang paling nyata ialah para petani mengusahakan tanah sawah masing-masing secara bersendirian.



Keadaan ini mungkin disebabkan oleh konsep pertanian bersepadu belum diperkenalkan di komuniti ini. Oleh yang demikian hasil pengeluaran yang diperolehi tidak memuaskan.

Di samping itu cuaca dan iklim juga berperanan dalam menentukan samada penanaman padi berjaya atau tidak. Keadaan banjir atau kemarau boleh mengurangkan hasil pengeluaran. Dalam usaha pertanian, keadaan ini memang tidak dapat dielakkan.

Selain daripada faktor luaran yang tidak dapat dielakkan seperti faktor iklim, didapati serangan daripada serangga dan perosak terutamanya tikus dan burung yang secara langsung mengurangkan hasil pengeluaran. Bagi kaum tani di kampung ini, tikus merupakan musuh utama. Sikap memusuhi tikus ini dapat diperhatikan daripada gotong-royong memukul tikus yang sering dijalankan setelah padi dituai.

Penyakit juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi hasil penanaman. Ini terbukti di mana pada masa akhir-akhir ini padi menghadapi serangan daripada pelbagai penyakit padi, contohnya penyakit merah, kulat, penyakit dara dan lain-lain. Ini turut mengurangkan lagi hasil pengeluaran.

Didapati juga kekurangan penjagaan dan pengawasan juga boleh menyumbang kepada hasil penanaman yang kurang berjaya. Biasanya kaum ibubapa masing-masing sibuk dengan kerja-kerja sambilan dan kerja rumah. Mengikut responden yang ditemui, mereka kekurangan masa mengawasi tanaman disawah.<sup>4)</sup>



Berjaya atau tidak penanaman padi di kampung ini banyak ditentukan oleh faktor-faktor yang telah dibincangkan tadi. Daya pengeluaran yang rendah bermakna jumlah pendapatan bersih yang diperolehi oleh kaum petani adalah rendah. Sebelum membincangkan tentang pendapatan bersih para petani, penulis akan memberi penguraian ringkas mengenai kos pengeluaran bagi penanaman padi.

#### Kos Pengeluaran

Kos pengeluaran yang dibelanjakan ke atas penanaman padi agak tinggi. Ini menjadikan kaum petani hanya terima pendapatan bersih yang tidak banyak.

Para petani kampung Kayu Kelat menerima baja subsidi daripada pihak kerajaan dan menggunakan benih sendiri. Oleh itu kos penanaman yang dibelanjakan sebenarnya merangkumi kos-kos lain seperti upah bagi penggunaan jentera, kos pengangkutan dan kos membeli racun.

Jadual 11: Kos Perbelanjaan Pengeluaran Padi.

kos pengeluaran bagi	jumlah	luas tanah
upah mesin bajak	\$ 70	1 ekar
kos mesin padi	\$ 150	1 ekar
pengangkutan	\$ 21	1 ekar
racun serangga dan rumput	\$ 45	1 ekar
Jumlah	\$ 285	

Jadual di atas menunjukkan kos bagi mesin padi paling tinggi iaitu \$ 150 bagi satu ekar. Jumlah kos pengeluaran bagi satu ekar ialah kira-kira \$ 285. Pihak yang menanggung kos yang tinggi ini ialah golongan petani miskin terutamanya penyewa dan pemawah. Hasil yang mereka terima menjadi lebih rendah apabila menghadapi keadaan tanaman kurang berjaya.

Daripada perbincangan di atas, kaum petani boleh dikatakan berada dalam keadaan 'dilema'. Punca utama yang membawa kepada keadaan ini ialah kekurangan peluang pekerjaan yang produktif. Petani-petani tiada pilihan selain daripada bertani walaupun pulangnya rendah. Mereka juga menghadapi masalah kos pengeluaran yang tinggi dan daya pengeluaran yang rendah. Pendapatan yang rendah tidak dapat membiayai perbelanjaan seisi keluarga. Untuk meneliti masalah kehidupan kaum petani di komuniti ini, adalah perlu disentuh tentang pola pendapatan dan perbelanjaan.

#### Pola Pendapatan

Dalam perbincangan mengenai pendapatan petani kampung ini, terlebih dahulu penulis cuba membandingkan taraf pendapatan penduduk komuniti ini dengan antara tahun 1983 dan masa kini.

Jadual 12: Tingkat pendapatan seisi keluarga keseluruhan penduduk kampung Kayu Kelat 83'



Jadual 12

tingkat pendapatan	bil. rumah	peratus
di bawah \$ 250	133	80
\$ 251 - \$ 400	30	20
jumlah	163	100

Data di atas menunjukkan pada tahun 1983 pendapatan yang diperolehi oleh penduduk kampung Kayu Kelat sangat rendah, di mana 80 % daripada mereka mempunyai pendapatan keluarga di bawah \$ 250 .

Tetapi pada masa kini pula, telah ada perubahan berlaku di mana terdapat pertambahan dalam pendapatan kaum petani. Gejala ini dapat dikesan dengan merujuk kepada tingkat pendapatan seisi keluarga berasaskan kajian ke atas 50 orang responden.

Jadual 13: Tingkat pendapatan 50 responden.

Tingkat pendapatan	Bil. resp.	Peratus
kurang dari \$250	31	62
\$ 251 - \$ 400	13	26
\$401 - ke atas	6	12
Jumlah	50	100

Jelas dilihat bahawa walaupun telah ada perubahan dari segi pendapatan, namun ini tidak bermakna komuniti ini telah mencapai kemajuan yang pesat dari segi sosial dan ekonomi. Data menunjukkan kebanyakan penduduk



penduduk kampung ini mencapai tingkat pendapatan di bawah garis kemiskinan. 5)

Satu persoalan yang timbul ialah berapakah pendapatan sebenar atau pendapatan bersih yang diperolehi bagi seorang petani di kampung ini? Untuk menjawab soalan ini satu cara ialah menggunakan hasil tanaman padi secara anggaran yang diperolehi menolak kos yang telah dibelanjakan. Mengikut anggaran yang dibuat oleh petani komuniti ini, hasil padi bagi satu ekar dalam satu musim ialah kira-kira 500 gantang ke atas. (lebih kurang 500 ringgit dari segi pendapatan) Sementara itu kos pengeluaran ialah 285 ringgit seekar. Maka pendapatan bersih seorang petani ialah \$ 215 bagi satu ekar dalam satu musim. Walau bagaimanapun, jumlah 500 gantang itu cuma merupakan kiraan paling minima. Dengan lain perkataan jika tanaman berjaya hasil yang diperolehi boleh menjadi berlipat ganda.

Jelas dilihat penanaman padi bukan saja mendatangkan pulangan yang rendah tetapi pendapatan yang diperolehi adalah tidak tetap. Pendapatan hanya diperolehi pada masa akhirnya musim padi. Aktiviti ini pada pandangan orang kampung ini ialah kegiatan ekonomi yang kurang menguntungkan terutamanya dibandingkan dengan kerja bukannya pertanian, yang mendatangkan pendapatan yang lebih tinggi dan tetap.



## Pola Perbelanjaan

Untuk mengetahui status ekonomi penduduk komuniti ini perlu dilihat corak perbelanjaan. Perbincangan awal tentang kos pengeluaran telah menyatakan bahawa petani-petani terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang besar sebagai kos tanaman. Tetapi di samping itu petani juga perlu membelanjakan pendapatan mereka ke atas aspek-aspek yang lain seperti pendidikan, makan minum, hiburan dan penggunaan barangan serta harta milik tetap.

Di antara aspek-aspek yang disebutkan di atas, didapati aspek pendidikan merupakan bahagian perbelanjaan yang lebih besar dalam jumlah perbelanjaan. Dalam sebuah keluarga biasanya terdapat beberapa orang anak yang sedang menuntut ilmu. Fenomena ini digambarkan dalam jadual berikut:

Jadual 14: Bilangan anak-anak bersekolah.

Jumlah anak bersekolah	Isi keluarga	Peratus
0	5	10
1	15	30
2	9	18
3	9	18
4	8	16
5	3	6
6	1	2
Jumlah	50	100.00

Data dalam jadual di atas menunjukkan bahawa



41 % daripada isi rumah mempunyai bilangan anak-anak yang bersekolah di antara 1 hingga 4 orang. Perbelanjaan bagi aspek pendidikan merangkumi soal seperti yuran sekolah, wang saku setiap hari, wang bagi membeli makanan, buku, alat tulis dan pakaian seragam. Walau bagaimana sukarnya keadaan yang dialami, wang peruntukan bagi pendidikan mesti disediakan.

Di samping itu pendapatan juga dibelanjakan untuk hal-hal termasuk makanan, minuman, pakaian dan sebagainya. Sebenarnya perbelanjaan untuk makanan tidak begitu banyak dan membebankan kerana ada di antara hasil tanaman iaitu beras disimpan untuk dimakan sendiri. Memang merupakan satu ciri umum di mana penduduk di luar bandar membelanjakan bahagian pendapatan yang tidak begitu besar memandangkan kebanyakan mereka ada mengusahakan tanaman dan sayur-sayuran secara kecil-kecilan. Soal pakaian juga tidak diberatkan di kehidupan kampung, maka perbelanjaan untuk hal ini adalah kurang.

Satu lagi aspek perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan ialah wang peruntukan bagi penggunaan dan pengendalian harta milik tetap atau 'maintenance Costs'. Harta milik tetap ini termasuk pembelian alat perkakas, perbelanjaan bagi penggunaan motorsikal dan kereta dan lain-lain. Perbelanjaan bagi bekalan elektrik juga dikira dalam kategori ini. Perbelanjaan bagi penggunaan motorsikal agak tinggi memandangkan ia merupakan alat pengangkutan yang paling biasa dan yang terpenting di kampung ini. Selain



daripada itu soal kesihatan ahli sekeluarga juga mene-  
 lan sebahagian daripada pendapatan penduduk. Ini terbukti  
 di mana Hospital Besar Daerah Besut dan Klinik Desa  
 yang berdekatan dengan kampung ini merupakan dua tempat  
 yang sering dilawat oleh orang kampung. Di sebaliknya  
 perjumpaan bomoh dan dukun semakin berkurangan di komu-  
 niti ini.

Secara ringkas dan sebagai kesimpulan dari-  
 pada perbincangan di atas, corak pendapatan dan perbe-  
 lanjaan menunjukkan satu gejala yang jelas yakni pendu-  
 duk komuniti ini menghadapi masalah 'perbelanjaan mele-  
 bihi pendapatan'. Keadaan ini digambarkan dalam jadual  
 di bawah:

Jadual 15: Jumlah pendapatan dan perbelan-  
 jaan lima buah keluarga.

Jumlah	Bilangan isi Rumah				
	A	B	C	D	E
Pendapatan sebulan	\$250	\$230	\$190	\$270	\$ 320
Perbelanjaan sebulan	\$300	\$280	\$290	\$330	\$ 400

Masalah lebih perbelanjaan jelas dilihat  
 pada lima buah keluarga ini. Dalam keadaan ini sukar bagi  
 petani miskin memperbaiki kehidupan sosial dan ekonomi  
 kerana kegiatan ekonomi yang utama gagal mendatangkan  
 pendapatan yang tinggi dan tetap. Keadaan ini membawa  
 kepada taraf hidup yang rendah di komuniti luar bandar.



## Kesimpulan

---

Dalam bahagian ini telah disentuh beberapa aspek terutamanya kegiatan ekonomi sebagai punca pendapatan yang utama dan sampingan serta pemilikan tanah dan penggunaannya.

Mengikut Rancangan Malaysia Ketiga dinyatakan bahawa<sup>1</sup> kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang produktif merupakan satu sebab utama bagi kemiskinan. Penganggoran yang terbuka dan guna tenaga yang tidak penuh akibat kekurangan faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, modal dan keusahawan menyebabkan kemiskinan di tiap-tiap sektor.<sup>6)</sup> Kenyataan ini amat tepat bagi menerangkan masalah kekurangan pekerjaan yang membawa kepada tingkat pendapatan yang rendah di komuniti ini. Dalam keadaan ini sukar diharapkan petani-petani miskin kampung ini dapat meninggikan taraf sosial ekonomi dalam jangka masa yang pendek.

Dilihat struktur ekonomi komuniti ini pula, masalah tanah merupakan masalah serius. Pemilikan tanah yang tidak seimbang telah melahirkan struktur sosial ekonomi yang tidak seimbang iaitu kelas tuan tanah dan kelas penyewa tanah. Struktur sedemikian lama-kelamaan telah membesarkan lagi jurang pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin.



## Nota Kaki

-----

- (1) Data ini diperolehi dari Diskusi, bulan Mei/ Jun, 1985.
- (2) Kawasan Bersepadu ialah kawasan di mana konsep pertanian secara bersepadu dijalankan. Di bawah konsep ini tanah-tanah sawah digabungkan menyepai suatu 'Estet Padi' dan diusahakan oleh semua petani sendiri. Hasil tanaman akan dibahagikan mengikut saiz sawah yang dimiliki.
- (3) Kelas tuan tanah di Trengganu sebenarnya telah wujud pada masa dahulu dengan adanya pemberian cap-cap tanah kurnia oleh raja negeri. Cap-cap kurnia ini diberi dalam bentuk lisan atau dokumen. Pemegang cap kurnia ini berhak mengumpul hasil tanaman di kawasan yang ditetapkan oleh cap itu. ( lihat MALAYSIA, Sejarah dan Proses Pembangunan, m/s75-76.)
- (4) Beberapa faktor dikemukakan sebagai punca kepada hasil pengeluaran yang rendah di komuniti tani:
  - (a) saiz tanah yang tidak ekonomik,
  - (b) tanaman yang mendatangkan pulangan yang rendah
  - (c) teknik pengeluaran yang tradisional dan tidak berkesan masih dipraktikkan.

-- Lihat Goh Cheng Teck dalam 'THE NATIONAL AGRICULTURAL POLICY: A NEW THRUST IN MALAYSIAN AGRICULTURE' dalam buku MALAYSIA'S NEW ECONOMIC POLICIES OLEH Jomo K.S. 1985.
- (5) Garis kemiskinan di sini merujuk kepada ukuran yang digunakan oleh SERU di mana pendapatan purata se isi

rumah ialah \$ 384 sebulan. (lihat buku Dasar Eko-  
nomi Baru, Ishak Shari dan Jomo K.S. 1985 )

(6) RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, 1976: 30.

University of Malaya



## BAB KEEMPAT

---

---

### ASPEK KEHIDUPAN SOSIAL

---

Di samping faktor-faktor ekonomi, terdapat juga faktor sosial budaya yang turut mempengaruhi taraf dan mobiliti sosial di Kampung Kayu Kelat. Faktor-faktor sosial yang dimaksudkan termasuklah kemudahan asas dan infrastruktur sosial, proses sosialisasi, keadaan semulajadi di luar bandar serta faktor pendidikan. Dalam bab ini perkara yang diberi perhatian ialah sejauh manakah faktor-faktor ini mempengaruhi keadaan ekonomi komuniti ini.

#### Kemudahan dan Infrastruktur Sosial

---

Dari aspek kemudahan asasi dan infrastruktur sosial, komuniti ini boleh dikatakan sebuah kampung yang serba kekurangan.

Walaupun telah ada bekalan elektrik 24 jam, namun sehingga masa kini masih belum ada bekalan air paip. Sebagai cara atasi didapati hampir setiap keluarga mempunyai sebuah telaga. Air perigi merupakan sumber terpenting bagi cuci-menyuci dan diminum. Di samping itu kemudahan talipun masih belum dilengkapkan lagi. Cuma ada sebuah talipun awam yang terletak kira-kira 2 batu dari kampung ini.

Dari segi pengangkutan pula, tiada perkhidmatan bas bagi orang kampung dan murid-murid, walaupun jarak di antara kampung ini dengan pekan Jerteh hanya 2 batu.



Tambahan pula tiada perkhidmatan taksi. Bagi penduduk komuniti ini perkhidmatan 'Taksi' yang ada sebenarnya merujuk kepada perkhidmatan 'Beca'. Perkhidmatan ini penting bagi petani-petani miskin yang tidak memiliki sebarang alat pengangkutan.

Basikal dan motorsikal merupakan dua jenis alat pengangkutan yang paling biasa dan juga yang terpenting. Kebanyakan keluarga memiliki kedua-dua alat pengangkutan, khususnya basikal. Bagi kaum pelajar utamanya yang menuntut di sekolah Menengah di Jerteh, basikal merupakan alat pengangkutan yang paling sesuai.

Jadual 16: Jenis & Alat Pengangkutan di  
Kampung Kayu Kelat.

Jenis Alat Pengangkutan	Bil. Pemilikan
motorsikal	38
beca	3
basikal	44
kereta	2
Jumlah	87

Di antara semua alat pengangkutan dalam jadual di atas, tiada satupun yang merupakan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Segala alat pengangkutan yang ada di kampung ini merupakan harta milik individu. Kekurangan dari segi pengangkutan sudah tentu melambatkan lagi saluran komunikasi antara desa dan kota, seterusnya melahirkan implikasi negatif terhadap pembangunan desa.



Dari segi kesihatan pula, cuma ada sebuah klinik yang terletak kira-kira satu batu setengah dari kampung ini. Namun penduduk kampung ini lebih cenderung melawati Hospital Besar Daerah Besut di Pekan Jerteh. Kecenderungan ini menunjukkan satu gejala di mana penduduk kampung ini lebih sedar tentang cara perubatan moden.

---

### Kemudahan Rekreasi

---

Pada kaca mata generasi muda, kehidupan di kampung dianggap sebagai kurang prospek dan membosankan. Salah satu punca yang membawa kepada persepsi ini ialah kerana kekurangan hiburan. Memang merupakan satu ciri umum di mana kampung di luar bandar tidak ada kemudahan rekreasi seperti yang ada di bandar.

Tidak ada pusat membeli-belah dan panggung wayang, kecuali di pekan Jerteh. Lebih-lebih lagi yang menjadi masalah ialah tiada keluarga yang memiliki video set. Hanya beberapa keluarga saja yang mempunyai televisyen. Bagi golongan muda cara hiburan yang disukai ramai ialah permainan bola sepak di padang yang telah dibersihkan pada tahun 1980. Pada waktu malam pula hiburan terbaik ialah menonton televisyen seisi keluarga.

Sementara bagi golongan dewasa pula, pertandingan Seni Suara bagi burung Ketitir dan Merbuk merupakan cara penghiburan yang paling popular. Di kampung ini majoriti daripada ketua rumah menjinak seekor atau lebih burung

ketitir. Pertandingan Seni Suara ini diadakan **sekurang-kurangnya** 2 minggu **sekali**. Tempat pertandingan pula **bertukar-tukar**. 45 hadiah disediakan bagi dimenangi oleh tuan punya burung. Maka tidak hairanlah penjinakan burung menjadi suatu aktiviti budaya yang telah menggantikan permainan gasing di kampung ini.

Daripada kemudahan asasi dan infrastruktur sosial yang disediakan, satu gambaran yang ujud ialah taraf hidup kampung ini boleh dikatakan rendah. Kenyataan ini lebih jelas ditinjau harta milik, keadaan rumah, hutang-piutang komuniti ini. Keadaan ini dapat di gambarkan dengan melihat jenis tandas di kampung ini.

Jadual 17: Jenis Tandas di kampung ini.

Jenis Tandas	Bil isirumah	Peratus
tepi sungai	9	18
tandas moden	2	4
lubang	13	26
jenis curah	26	52
Jumlah	50	100

Berdasarkan sistem pembuangan najis di kampung ini, didapati bahawa masih ada 44 % daripada penduduk kampung ini masih menggunakan cara lama samada di tepi sungai atau gunakan lubang. Hanya 4 % yang menggunakan tandas moden. Keadaan ini pada tahap yang tertentu telah menggambarkan kemunduran di kampung ini.




rtandingan

seni suara

# KETITIR DAN MERBUK (KETITIR)

DI PADANG KG. PASIR PUTIH,  
MERCANG MARANG  
TERENGGANU.

PADA: 26.4.1985.



A MUNDIRI:

PERLIS PERTANDINGAN

ABDULLAN SILEL

EL: 628071.



Dalam kehidupan sosial banyak faktor dan keadaan yang mencerminkan taraf hidup yang rendah di komuniti ini. Golongan petani miskin yang tidak memiliki sebarang tanah pula tinggal di rumah papan yang serba kekurangan. Keadaan perbelanjaan melebihi pendapatan menyebabkan hutang-piutang, terutamanya kepada Bank Pertanian. Seterusnya penulis akan membincangkan tentang sistem dan institusi sosial seperti pendidikan, kekeluargaan dan sosialisasi dalam hubungan dengan taraf hidup komuniti ini.

---

#### STRUKTUR KELUARGA

---

Keluarga merupakan unit sosial yang terkecil sekali. Dalam masyarakat Melayu tradisional, struktur keluarga yang dikekalkan ialah keluarga besar atau 'Extended Family'. Namun pada masa kini di kampung Kayu Kelat, kelihatan orang muda lebih cenderung kepada sistem keluarga kecil. Maka di komuniti ini terdapat dua jenis sistem keluarga.

Dalam sistem keluarga nuklear, biasanya ahli keluarga tidak ramai, yakni lebih kurang 3-6 orang. Keujudan sistem keluarga keluarga kecil tidak dapat dielakkan kerana keluarga asal tidak dapat menampung mereka. Meskipun demikian hubungan sosial di kampung ini tetap erat dan ketat. Dalam kajian ke atas 50 responden, kerap kali terdapat keadaan di mana seorang responden mengerjakan tanah sawah bapa saudara, atau tapak rumah kepunyaan orang sendiri.



Ringkasnya kebanyakan keluarga di kampung ini mempunyai hubungan persaudaraan yang erat. Usaha dan matlamat hidup bagi kebanyakan keluarga adalah sama. Majoriti daripada mereka mempunyai lebih kesamaan daripada perbezaan.

---

### Proses Sosialisasi

---

Proses sosialisasi ialah suatu proses sosial yang dialami oleh seorang individu untuk menjadi anggota suatu kelompok dengan mempelajari kebudayaannya serta peranan sosial dalam masyarakat. Proses ini bermula sejak individu dilahirkan. Seseorang akan mempelajari dan menerima nilai, sikap dan peranannya yang dapat membentuk personalitinya.

Keluarga merupakan agen sosialisasi yang terpenting. Tahap seorang kanak-kanak mengalami proses ini dalam keluarga dikenali sebagai peringkat permulaan. Pada peringkat ini para ibubapa telah berjaya melahirkan anak-anak yang sihat dari segi fizikal, mungkin kerana keadaan alam semulajadi di luar bandar. Persoalan yang timbul di sini ialah setakat manakah proses sosialisasi telah berjaya dalam matlamatnya melahirkan generasi yang mempunyai potensi untuk menempuh cabaran hidup? Jawapan kepada soalan ini dapat dikesan dengan meneliti pandangan dan persepsi kaum ibubapa mengenai aspek kepentingan dan fungsi pendidikan.

Jadual 18: Cara responden<sup>2</sup> belanjakan wang  
Jika mereka ada \$ 20, 000.



Cara	Bil. Resp.	Peratus
beli tanah	12	24
beli rumah	1	2
naik haji	2	4
pelajaran anak	27	54
melabur ASN	1	2
berniaga	7	14
Jumlah	50	100.00

Data dalam jadual menunjukkan 54% daripada penduduk mengambil berat terhadap aspek pendidikan anak-anak mereka. Tetapi jenis apakah pendidikan yang diminati oleh mereka ?

Jadual19: Jenis pelajaran terbaik bagi anak<sup>2</sup>.

Jenis pelajaran	Bil. responden	Peratus
kedoktoran	0	0
sains	0	0
kemanusiaan	1	2
kemasyarakatan	3	6
pendidikan ugama	46	92
Jumlah	50	100

Jelas kebanyakan ibubapa mempunyai pandangan bahawa jenis pelajaran terbaik bagi anak-anak mereka ialah pendidikan ugama, bukan pelajaran sains dan kedoktoran. Kenyataan ini menunjukkan bahawa ahli-ahli komuniti ini kurang memahami tentang kepentingan ilmu sains. Fikiran dan nilai tradisional masih dipegang kuat di masyarakat ini. Kekurangan galakan daripada kaum ibubapa menunjukkan



ketiadaan keyakinan mereka terhadap anak-anak mereka. Dalam keadaan ini sudah tentu peluang untuk mobiliti sosial bagi anak-anak tergugat memandangkan pendidikan merupakan salah satu faktor penting mencapai mobiliti sosial.

Di sebaliknya pula, bagi petani-petani miskin, anak-anak tidak bersekolah bukan saja secara langsung mengurangkan beban tanggungan ibubapa, tetapi juga boleh membantu menjalankan kerja-kerja pertanian atau kerja lain, samada di dalam atau di luar kampung.

Justeru itu didapati bahawa kebanyakan pemuda-pemudi komuniti ini hanya mencapai peringkat pelajaran hingga sekolah menengah saja, kecuali beberapa orang saja yang berpeluang melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat sekolah menengah atas. Kesannya ialah kaum muda kebanyakannya kekurangan kelayakan dari segi pencapaian akademik, dan ini turut menghalang peluang mobiliti ke atas di masyarakat ini.

Adalah jelas di mana proses sosialisasi telah gagal dalam mencapai matlamatnya bagi melahirkan satu masyarakat yang progresif. Seterusnya penulis akan membincangkan dengan lebih lanjut tentang aspek pendidikan.

#### Pendidikan

-----

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pendidikan merupakan faktor penting yang menggalakkan mobiliti sosial.

Jadual 20: Tingkat pelajaran kaum Ibubapa.



Tahap pelajaran	Bil. resp.	Peratus
darjah 1 - 3	22	44
darjah 4 - 5	15	30
sekolah menengah	5	10
buta huruf	8	16
Jumlah	50	100

Data di atas menunjukkan ramai ibubapa hanya menerima peringkat pelajaran sekolah rendah saja, iaitu kira-kira 74 %. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa meneruskan pekerjaan tradisional.

Pada masa kini generasi muda berpeluang menerima pelajaran yang lebih tinggi. Kanak-kanak berpeluang belajar di tadika.

Jadual 21: Tahap Pelajaran kaum muda.

Peringkat sekolah	Bil. responden
tadika	14
sekolah rendah kebang.	44
sekolah menengah	39
menengah atas	5
universiti	0
Jumlah	102

Ternyata 44 % daripada anak-anak muda telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan menengah atas. Daripada data jadual ini dapat tahu bahawa walaupun para responden mengambil berat tentang pendidikan agama semasa temubual, namun pada praktikalnya mereka lebihutamakan pendidikan moden.



Sementara itu bilangan anak yang bersekolah pula digambarkan dalam jadual di bawah :

Jadual "21: Bilangan anak bersekolah.

Bil. Anak Bersekolah	Isi rumah
1	15
2	9
3	9
4	8
5	3
6	1
Jumlah	45

Jadual menunjukkan fenomena di mana di setiap keluarga terdapat anak-anak yang bersekolah. Ini memperkuat lagi fakta di mana penduduk komuniti tani ini mempunyai kesedaran tentang kepentingan pelajaran. Walau bagaimanapun didapati juga kebanyakan pelajar dari komuniti ini menuntut dalam jurusan sastera dan bukan sains. Maka pencapaian akademik yang terbatas dan 'kurang prospek' ini masih kurang berkesan bagi menggalakkan mobiliti sosial.

Bagaimanapun ada juga di antara mereka yang mencapai mobiliti sosial dan taraf hidup yang lebih tinggi, misalnya sebagai pegawai tinggi dalam sektor awam. Tetapi bilangan mereka tidak ramai, dan berasal dari keluarga yang mempunyai status ekonomi yang lebih tinggi.

Jelas bahawa faktor pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan taraf sosial dan ekonomi komuniti ini. Atas kesedaran tentang kepentingan pelajaran dapat mempercepatkan kemajuan sosial dan ekonomi.



## BAB KELIMA

---

### KESIMPULAN

---

---

Perbincangan mengenai beberapa aspek dalam kajian ini cuba memberikan satu gambaran mengenai kehidupan dan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh komuniti Kampung kayu Kelat. Persoalan penting yang difokuskan ialah masalah pekerjaan dan pendapatan yang mempengaruhi dan menentukan taraf hidup kampung ini.

Pelbagai faktor-faktor dikemukakan termasuk faktor sosial dan ekonomi dengan melihat hubungannya dengan taraf hidup kampung ini. Perbincangan awal telah menunjukkan terdapat kaitan rapat antara tingkat pendapatan dengan faktor-faktor seperti masalah tanah kegiatan ekonomi yang diusahakan, masalah pekerjaan yang dihadapi oleh golongan muda dan kaum ibubapa, kekurangan dari segi kemudahan asas dan infrastruktur sosial serta nilai dan sikap yang diamalkan terhadap pendidikan.

Dari segi ekonomi masalah-masalah yang dihadapi sebenarnya mempunyai hubungan rapat antara satu dengan lain. Sebagai misalan, masalah tanah merupakan masalah inti bagi masalah-masalah lain contohnya daya pengeluaran yang rendah, kurangnya peluang-peluang pekerjaan yang produktif. Keadaan di mana ketiadaan tanah dan saiz tanah yang tidak ekonomik membawa kepada pulangan yang sedikit. Maka adalah jelas sebagai suatu punca pengeluaran utama ekonomi di luar bandar, masalah tanah memainkan peranan penting dalam menentukan tingkat pendapatan yang rendah komuniti ini.



Di samping itu institusi sewa-menyewa tanah di kampung ini bukan saja memperlihatkan pola pemilikan tanah yang tidak seimbang, tetapi juga mencerminkan struktur ekonomi yang berkelas, iaitu kelas tuan tanah dan golongan penyewa. Disebabkan sistem sewa tanah ini menguntungkan tuan tanah dan merugikan pihak penyewa, maka kesan negatif yang wujud ialah semakin luasnya jurang pendapatan antara dua kelas ini.

Dari aspek sosial pula, didapati faktor-faktor sosial juga berpengaruh dalam mencorakkan kehidupan di kampung ini. Kekurangan dari segi kemudahan sosial dan infrastruktur asas serta pengangkutan dan juga penghiburan merupakan faktor penghalang bagi kemajuan sosial dan ekonomi. Di samping itu juga kedudukan geografi dan sifat semulajadi komuniti tani ini yang jauh dari bandar dan proses modenisasi juga bertindak sebagai faktor yang menggugat pembangunan desa.

Aspek pendidikan menunjukkan sistem nilai dan sikap yang diamalkan oleh golongan ibubapa banyak mempengaruhi masa depan anak-anak mereka. Pencapaian akademik dikatakan terbatas kerana kebanyakan pelajar hanya sampai tahap sekolah menengah saja dan tidak ramai pula yang dari jurusan sains. Apabila berhijrah ke kota sukar bagi mereka menandingi orang lain yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang lebih tinggi. Berlakunya keadaan ini bermakna kaum muda menghadapi masalah pekerjaan.



Setelah membincangkan tentang masalah-masalah sosial ekonomi yang dihadapi oleh komuniti tani ini, seterusnya beberapa saranan dikemukakan sebagai langkah-langkah yang berguna bagi pembangunan desa.

Sering kali didengar pelbagai cara dan usaha diutarakan untuk mengatasi masalah para petani di luar bandar. Adalah perlu diketahui bahawa segala usaha penyelesaian seharusnya merujuk kepada keadaan sebenar yang dialami oleh kaum petani miskin.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Doktor Mahatir Mohamad satu rancangan dan konsep baru yang dikenali sebagai 'Pertanian Bersepadu'. Beliau menaruh kepercayaan yang kuat bahawa rancangan ini akan membawa lebih banyak faedah kepada kaum tani.<sup>1)</sup>

Menurut konsep ini, semua tanah sawah akan digabungkan dalam satu bentuk baru menyerupai suatu 'estet padi'. Setiap pemilik tanah dikehendaki mengambil bahagian dalam aktiviti pertanian. Hak pemilikan tanah tidak berubah. Hasil yang diperolehi dibahagikan mengikut saiz tanah yang dimiliki masing-masing. Satu kebaikan besar rancangan ini ialah jentera moden dan mesin dapat digunakan secara ekonomik, dan secara langsung dapat meningkatkan lagi hasil pengeluaran.

Rancangan ini memang berkesan sebagai langkah membantu petani miskin. Pertama sekali dengan ran-



cangan ini bermakna tamatnya sistem bertani secara diri-sendiri. Kedua, oleh kerana pemilik tanah terpaksa menyertai kegiatan bertani, maka kesannya ialah sedikit sebanyak melemahkan sistem sewa-menyewa di kampung ini. Ringkasnya rancangan pertanian bersepadu bukan saja mengatasi masalah petani miskin, tetapi hasil pertanian juga akan berlipat-ganda.

Walau bagaimanapun cara penyelesaian yang lebih berkesan ialah memberi perhatian kepada masalah inti iaitu masalah tanah. Kekurangan tanah semakin serius, maka pembukaan tanah baru untuk tujuan pertanian adalah perlu. Rancangan kemajuan tanah yang lebih meluas dan kurang membebankan para peserta serta melibatkan kerjasama perlu dilaksanakan. Langkah ini dianggap penting kerana hanya dengan cara ini dapat membekalkan peluang pekerjaan yang produktif, seterusnya meningkatkan lagi taraf hidup dan tingkat pendapatan kaum tani.

Walau apapun strategi yang diambil, perhatian lebih seharusnya diberi kepada sistem pertanian secara kecil-kecilan yang melibatkan ramai petani-petani miskin.<sup>2)</sup> Hanya dengan demikian barulah kemiskinan dan kemunduran petani kaum tani.

Nota Kaki

---

- (1) Untuk keterangan lebih lanjut lihat 'Suara Melaka' bulan Mei, 1985. Rancangan ini telah dilaksanakan di Melaka dan beberapa tempat lain pada peringkat percubaan.
- (2) Syed Husin Ali dalam artikelnya 'Alternative Strategy for rural development' menyatakan sekurang-kurangnya ada 4 jenis sistem pertanian:
  - a) Customary or communal system,
  - b) Small peasant farm sistem,
  - c) Small holding settlement system,
  - d) Modern plantation system.

-- Lihat "The Forth Malaysian Plan- Economic Perspektive " edited by Jomo K.S. 1983.



### Rujukan

- (1) Aziz Deraman (1975), "Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia", Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Cetakan Pertama).
- (2) Chan Hock Thye (1979), "Masalah Perpaduan Nasional", Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (3) \_\_\_\_\_ (1979), "Pembangunan dan Masalah Sosial - Kumpulan Rencana Dewan Masyarakat 1963-1972" (Cetakan Kedua).
- (4) Ishak Shari & Jomo K.S. (1984), "Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan - Pembangunan dan Ketidaksamaan 27 Tahun Selepas Merdeka", Sun Traders.
- (5) Jomo K.S. (1986), "Dasar Ekonomi Mahathir", INSAN, Kuala Lumpur (Cetakan Pertama).
- (6) Jomo K.S. & R.J.G. Wells (1983), "Fourth Malaysia Plan - Economic Perspektif", Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, Percetakan Seremban Sdn. Bhd.
- (7) Jomo K.S. (1985) "Malaysia's New Economic Policies - Evaluations of the Mid-Term Review of the Fourth Malaysia Plan", Persatuan Ekonomi Malaysia, Sun U. Books Company Sdn. Bhd.
- (8) Persatuan Sejarah Malaysia (1982), "Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan", United Selangor Press.
- (9) Malaysia (1976), Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- (10) \_\_\_\_\_ (1981), Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- (11) Syed Husin Ali (1978), "Kemiskinan dan Kelaparan Tanah Di Kelantan - Satu Penyelidikan Sosio-Ekonomi Kelantan", Cetakan Pertama, ABADI Sdn. Bhd.
- (12) \_\_\_\_\_ (1979), "Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan", Cetakan Pertama, Terbitan Abadi Sdn. Bhd.
- (13) Wan Hashim (1984), "Petani dan Persoalan Agraria", Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- (14) Zarana Majid (1982), "Masyarakat Malaysia - Tinjauan Dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu Dan Topik Semasa", Penerbit USM.

Majallah

- (1) Diskusi, bulan Mei/Jun, 1985.
- (2) Jomo K.S. & Ishak Shari (1984), "Nadi Insan - Masalah Sosio-Ekonomi Malaysia", Institut Analisa Sosial.

KANTOR PENYUSUNAN DI MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYA

WILAYAH JOHORE BAHRU

NAMA RESPONDER

ALAMAT SURAH

	TINGKAT			
	1	2	3	4
LABATAN				
TARIKH				
MASA MEL.				
MASA TARIK				

TAMBAH TANDA (✓) 1. BERSIKAP 2. TAK BERSIKAP